



Jumaat, 15 Januari 2016
 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
SIARAN AKHBAR

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR BERJADUAL DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN DAN REMBAU BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP SERTA PEMASANGAN INJAP PADA 19 JANUARI 2016

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di daerah Seremban dan Rembau seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 19 Januari 2016 (Selasa)

Maklumat Kerja	Kawasan Terlibat	Langkah Kontigensi
Jenis kerja/Lokasi: 1) Pengalihan paip bersaiz 1200mm di Kota Seriemas Nilai 2) Pemasangan injap bersaiz 1200mm di Persimpangan Kellog $\text{\textcircled{C}}$ Masa: 9.00 pagi (19 Januari 2016) . 9.00 pagi (20 Januari 2016)	Seremban: <ul style="list-style-type: none"> • Industri Enstek • Enstek Timur • Bandar Pendidikan • LBJ 	<ul style="list-style-type: none"> • Penghantaran lori tangki
Jenis kerja/Lokasi: Pengalihan paip bersaiz 450mm di Jalan Mutiara, Nilai Impian Masa: 10.00 pagi . 12.00 malam (19 Januari 2016)	Seremban: <ul style="list-style-type: none"> • Industri Arab Malaysian • Nilai Impian • Nilai 7 • Taman Teratai 	
Jenis kerja/Lokasi: Pengalihan paip bersaiz 200mm dan 100mm di Simpang Legung Jaya, Kota (Rembau) Masa: 8.00 pagi (19 Januari 2016) . 8.00 pagi (20 Januari 2016)	Rembau: Kg. Sri Kendong, Rumah Rakyat Sri Kendong, Kg. Lama Kendong, Kg. Baru Kendong, Kg. Padang Lebar Kota, Rumah Rakyat Kota (Fasa 2), Kg. Chik Tamby, Jln. Masjid Gadong, Kg. Gadong, Tanah Datar Gadong, Jln. Ulu Gadong 1, Ulu Pari/PLKN, Klinik Desa Gadong, Jln. Padang Kerbau Gadong, Sek. Men. Agama Hj. Mohd Yatim, Jln. Ulu Gadong 2, Sek. Men. Agama Gadong, Kg. Seberang Paya, Jln. Hilir Batang Nyamor, Kg. Batang Nyamor, Kg. Tengah Chengkau Ulu, Kg. Chengkau Ulu (Seberang), Kg. Baru Chengkau Ulu, Kg. Batang Nyamor, Balai Raya Batang Nyamor, Kg. Mungkal, Kg. Jeram, Legung Jaya, Tmn. Sri Kota, Tmn. Gadong, Kg. Perah Kota, Kg. Bukit Keledang, Pekan Kota, Tmn. Azizah, Rumah Rakyat Kota (Fasa 1), Legung Ulu/ Legung Hilir/ Semelenggang, Kg. Agam, Kg. Solok Astana Raja, Rumah Rakyat Astana Raja, Kg. Air Melintang	<i>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)</i>

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama.

Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Norzita Bt Ismail

Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.